

51,944 jawatan kosong di Johor belum diisi

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

JOHOR BAHRU - Ketidakpadanan dalam permintaan pekerjaan menyebabkan 51,944 kekosongan jawatan belum diisi di Johor ketika ini.

Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, jumlah itu melebihi daripada 34,278 orang pencari kerja di Johor.

"Kita maklum, mungkin terdapat banyak ketidakpadanan dalam permintaan pekerjaan. Oleh itu, kerajaan negeri sedang meneliti isu ini dan akan melibatkan kesemua pemegang taruh dalam satu sesi libat urus mendapatkan penyelesaiannya.

"Selain memberikan keyakinan lebih kepada para pelabur, rakyat Johor juga boleh memanfaatkan peluang pekerjaan yang dikenal pasti, terutamanya dalam bidang pembuatan dan perkhidmatan," katanya dalam kenyataan di Facebook semalam.

Terdahulu, Onn Hafiz mengadakan pertemuan dengan Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed membincangkan mengenai kebajikan pekerja dan peluang pekerjaan di Johor.

Ujar beliau, terdapat juga cadangan agar pusat-pusat khidmat dalam negeri ini dijadikan 'satellite center' Perkeso.

Pusat ini akan menjadi tempat sehati di mana para majikan boleh melakukan temu duga dan suai kenal tenaga kerja berpotensi.



ONN HAFIZ (kiri) semasa mengadakan pertemuan dengan Mohammed Azman (kanan) di Johor Bahru kelmarin.

Mengenai mereka yang bekerja sendiri, beliau berkata, hampir 34,806 orang telah berdaftar dalam skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (KSPS) di Johor.

Ujarnya, paling ramai berdaftar adalah dari sektor perkhidmatan sokongan, pengangkutan penumpang serta pengangkutan barang dan makanan.

"Tidak lupa juga peranan suri rumah tangga yang turut menyumbang kepada kesejahteraan keluarga dan masyarakat. Di Johor sahaja, terdapat 278,000

suri rumah pada masa ini.

"Sama ada terpaksa berhenti kerja atau sebaliknya, kesemua mereka layak dilindungi di bawah Perlindungan Keselamatan Sosial Suri Rumah.

"Ini dapat merapatkan lagi jurang perlindungan sosial serta menjaga kesejahteraan mereka, terutama dalam masa tidak menentu seperti pandemik," katanya.

Pada masa sama, ujarnya, terdapat lebih kurang 419,500 wanita bekerja yang juga berpotensi untuk menjadi suri rumah sepenuh masa.